

KELIMPAHAN SPESIES IKAN SELAYANG
(*Decapterus spp.*) DI PERAIRAN PANTAI TIMUR
SEMENANJUNG MALAYSIA

MAT LAZIM BIN HI TAHAR

FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU
TERENGGANU

2000

LP
21
FSGT
1
2000

**KELIMPAHAN SPESIES IKAN SELAYANG (*Decapterus spp.*) DI PERAIRAN
PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA**

MAT LAZIM BIN HJ TAHAR

**Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk
mendapatkan Ijazah Bacelor Sains Perikanan**

**Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU**

Laporan projek ini berjudul "Kelimpahan spesies ikan selayang (*Decapterus spp.*) di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Laporan projek Bacelor Sains Perikanan, Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi, Universiti Putra Malaysia Terengganu, 2000".

1100024231

KELIMPAHAN SPESIES IKAN SELAYANG (*Decapterus spp.*) DI PERAIRAN
PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA

MAHAJALAM

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada projek yang
mendapatkan ijazah Bachelar Sains Perikanan

Laporan projek ini hendaklah dirujuk sebagai

Lazim, M.T.2000.Kelimpahan spesies ikan selayang (*Decapterus spp.*) di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Laporan Projek, Bachelor Sains Perikanan, Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi, Universiti Putra Malaysia Terengganu, Terengganu.62p.

110054381

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.r.

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha menyayangi dan segala puji bagi Allah yang berkuasa ke atas segala-galanya.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi di atas keizinan dan hidayahnya dapat saya menyiapkan kajian tahun akhir saya dengan sempurnanya.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Prof. Madya Dr. Sakri Ibrahim dan Dr. Mansor Mat Isa selaku penyelia projek ini di atas segala dorongan dan tunjuk ajar mereka yang membawa kepada kejayaan projek yang telah saya jalankan ini. Penghargaan juga buat teman-teman seperjuangan yang banyak membantu, pensyarah-pensyarah yang telah banyak menabur bakti serta seluruh kakitangan Universiti Putra Malaysia Terengganu dan kakitangan SEAFDEC terutamanya En. Wan Jamil yang sentiasa memberi bantuan kepada saya.

Akhir sekali, buat ayahanda dan bonda sekeluarga, tiada hadiah paling istimewa yang dapat anakanda berikan melainkan kejayaan pengajian di peringkat Ijazah ini.

Mat Lazim Hj. Tahar
Bacelor Sains Perikanan
(1999-2000)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui spesies-spesies ikan selayang yang didaratkan di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Kajian juga mengkaji kawasan yang paling banyak ikan selayang di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan mengenalpasti bulan yang paling banyak membuat pendaratan ikan selayang di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Kajian dijalankan bermula dari bulan Jun 1999 sehingga September 1999, ketika Monsun Barat Daya.

Keputusan menunjukkan dua spesies ikan selayang yang ditemui iaitu *Decapterus maruadsi* dan *Decapterus macrosoma*. *Decapterus maruadsi* mempunyai saiz yang lebih besar berbanding *Decapterus macrosoma*.

Jumlah keseluruhan spesies ikan selayang didapati lebih banyak di sekitar perairan Terengganu di ikuti di perairan Kelantan dan di perairan Pahang. Di perairan Terengganu jumlah keseluruhan yang diperolehi ialah sebanyak 92.30 tan matrik manakala di perairan Kelantan pula ialah 80.07 tan matrik. Sebanyak 52.15 tan matrik diperolehi di perairan Pahang.

ABSTRACT

The purpose of the study is to investigate the pattern of round scad landing in East Coast of Peninsular Malaysia, to investigate the area with the highest distribution of round scad in East Coast of Peninsular Malaysia and to identify the month with the highest landing of round scad in East Coast of Peninsular Malaysia. This study was conducted between Jun until September 1999 during South East Monsoon.

The result shows that there are two species of round scad found in the study area; *Decapterus maruadsi* and *Decapterus macrosoma*. *Decapterus maruadsi* is bigger than *Decapterus macrosoma*.

The result also shows that the total number of round scad are highest in Terengganu waters followed by Kelantan and Pahang. In Terengganu, as much as 92.30 metric tonne were landed, while in Kelantan are 80.07 metric tonne and 52.15 metric tonne were found in Pahang.